

**KENYATAAN MEDIA PENGARAH CUKAI JUALAN NEGERI SABAH  
PELANJUTAN TEMPOH PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA  
CUKAI JUALAN NEGERI BIL.1  
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH**

Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada 15 Ogos 2023 telah melaksanakan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri bil.1 yang mana program ini ditawarkan untuk menggalakkan pembayar Cukai Jualan Negeri (CJN) bagi dua produk CJN khususnya Komoditi Perikanan dan Besi Buruk dan Buangan yang dibawa keluar dari Sabah agar tampil secara sukarela untuk mendaftar lesen dan membayar CJN dalam tempoh yang sepatutnya.

Melalui program khas ini, pembayar cukai tidak akan dikenakan tindakan penalti sekiranya pembayaran cukai selesai dikemukakan dalam tempoh program ini dilaksanakan.

Justeru itu, mengambilkira sambutan yang baik ke atas program khas ini yang telah berakhir pada 31 Disember 2023, maka sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Negeri Sabah dengan ini telah **melanjutkan tempoh program tersebut sehingga 31 Mac 2024.**

Tempoh bercukai yang terlibat untuk Program Khas ini adalah mengikut tarikh kuat kuasa CJN ke atas produk tersebut iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Produk</b>	<b>Tempoh Bercukai Terlibat</b>
1	Komoditi perikanan dibawa keluar dari Sabah	1 Mei 2021 – 14 Ogos 2023
2	Besi buruk dan buangan dibawa keluar dari Sabah	1 Februari 2022 – 14 Ogos 2023

Syarat-syarat dan peraturan program ini adalah masih kekal sama dan pihak syarikat boleh merujuk kepada Garis Panduan Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri Bil.1 di portal rasmi Kementerian Kewangan Negeri di <https://mof.sabah.gov.my/> sebagai rujukan pembayar cukai.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela Cukai Jualan Negeri ini boleh diajukan kepada Bahagian Cukai Jualan Negeri di talian 088-368038/088-368068/088-368052 atau email kepada [Dknormahani.pgmohd@sabah.gov.my](mailto:Dknormahani.pgmohd@sabah.gov.my) / [Claudia.Salbishte@sabah.gov.my](mailto:Claudia.Salbishte@sabah.gov.my) .

**Datuk Mohd Sofian Alfian Nair  
Pengarah Cukai Jualan Negeri merangkap  
Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Tarikh : 8 Januari 2024**